

KENYATAAN MEDIA

Perlukan Gabungan Baharu Jika Bentuk Semula Kerajaan

KUALA LUMPUR, 13 Ogos 2021—Pusat Penyelidikan Undian UCSI menyiarkan hasil kaji selidik terkini melibatkan Keutamaan Pembentukan Kerajaan yang dijalankan ke atas 1,053 rakyat Malaysia di seluruh negara dengan margin kesalahan sampel +/- 3%.

Responden ditanyakan pendapat mereka tentang sama ada Malaysia memerlukan kerajaan yang baharu. Keputusan menunjukkan 69.9% responden memilih ‘Ya’ sementara 30.1% lagi memilih ‘Tidak’.

Responden yang memilih ‘Ya’ kemudiannya ditanya lanjut tentang gabungan yang mereka sokong jika berlaku pembentukan semula kerajaan. Keputusan menunjukkan 66.3% daripadanya menyokong gabungan baharu dan 33.7% lagi menyokong kerajaan terdahulu, Pakatan Harapan.

Jangkaan mereka terhadap kerajaan baharu adalah seperti berikut:

Responden yang memilih ‘YA’ berharap kerajaan baharu fokus kepada:	
Strategi melawan COVID-19	46.2%
Pulihkan ekonomi Malaysia	28.0%
Komitmen melawan rasuah di Malaysia	13.6%
Belanjawan Malaysia 2022	10.5%
Lain-lain	1.7%

Sementara responden yang memilih ‘TIDAK’ kemudiannya ditanya lanjut tentang pandangan mereka sama ada kerajaan hari ini akan terus memerintah walaupun menjadi kerajaan minoriti, 79.1% responden memilih ‘YA’ dan 20.9% memilih “TIDAK”. Alasan pilihan mereka ialah seperti berikut:

Responden yang memilih ‘TIDAK’. Alasan utama kenapa Malaysia tidak memerlukan kerajaan baharu:	
Fokus melawan COVID-19	47.9%
Tak ada beza dengan kerajaan baharu	21.5%
Kerajaan sekarang baik-baik sahaja	14.2%
Pembentukan kerajaan baharu akan memperlahankan pemulihan ekonomi	12.3%
Lain-lain	4.1%

Keputusan undian ini menunjukkan orang awam mahukan kerajaan baharu membentuk gabungan baharu. Pergolakan politik di Malaysia meletihkan rakyat secara emosi lebih-lebih lagi ketika pandemik COVID-19 dengan kes yang dilaporkan terus menerus meningkat saban hari.

Menariknya, kedua-dua kumpulan responden ini berkongsi pandangan yang sama sekiranya Malaysia memerlukan kerajaan baharu iaitu, Malaysia perlu fokus pada usaha melawan COVID-19. Orang awam bimbang terhadap sistem kesihatan negara serta pemulihan ekonomi yang secara langsung turut memberi kesan kepada mereka terutama dalam tempoh yang mencabar ini. Ketidakstabilan politik menyebabkan ketidaktentuan terhadap polisi dan menjadi tanda tanya sama ada kebajikan rakyat diutamakan.

Maklumat lanjut, sila hubungi kami melalui emel ucsipoll@ucsigroup.com.my atau layari laman sesawang <https://www.ucsipoll.org.my/>

Disclaimer

UCSI Poll Research Centre produced this press release to provide information on the stated subject matter. UCSI Poll Centre hereby certifies that all views expressed in this press release are an accurate reflection of the opinions from the respondents participated in the poll. However, it cannot be generalised to represent the views of all Malaysians. UCSI Poll Research Centre believes that the background information is based on information from various sources that the Centre believes are reliable. No representation is made that it is accurate or complete.

Whilst reasonable care has been taken when preparing this release, no responsibility or liability is accepted for errors or fact or any views expressed herein by UCSI Poll Centre for actions taken as a result of information provided in this report. Any forecasts, estimates, ratings, views or opinions herein constitute a judgment as at the date of this document. If the date of this document is not current, the views and content may not reflect UCSI Poll Centre's present findings and or thinking.

UCSI Poll Centre is willing to share the results from our polls with the general public, with the acknowledgement of UCSI Poll Centre as the author whenever and wherever our poll results are used, cited or published.